

Pencipta Muda Cetus Idea Kreatif Dan Inovatif

Mahasiswa UniMAP

Oleh : Mohd Hakam Hassan



Taman Budaya Negeri Perlis - Keupayaan penciptaan dan daya kreativiti dan inovasi pelajar-pelajar UniMAP diuji dalam Program Pencipta Muda 2010 atau Young Innovator 2010. Program 2 hari ini (27 dan 28 Februari 2010) telah disertai oleh 21 orang pelajar UniMAP dari pelbagai bidang pengajian bersama dengan pelajar-pelajar sekolah daripada empat buah sekolah menengah di negeri Perlis. Sekolah-sekolah yang terbabit dalam program tersebut adalah Sekolah

Menengah Kebangsaan Perlis, Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin, Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Perlis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Saffi.

Program Pencipta Muda 2010 ini dianjurkan oleh Technology Park Malaysia (TPM) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dan Kerajaan Negeri Perlis. Program ini merupakan sebahagian daripada program yang telah dirangka sempena Karnival Malaysia Inovatif Zon Utara yang telah diadakan pada 27 dan 28 Februari yang lalu.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberikan pendedahan awal mengenai asas dalam proses penciptaan inovasi, melatih para peserta untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif, melatih peserta untuk

memahami dan menguasai teknik mereka, merangka prototaip dan seterusnya membuat rancangan pemasaran produk yang dihasilkan. Dengan bertemakan "GO-Mobile", program ini memberikan peluang kepada para peserta untuk mereka dan menghasilkan produk yang inovatif dengan menggunakan konsep penggunaan level teknologi yang minimum. Bagi menjayakan program ini, pelajar UniMAP telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil dan berfungsi sebagai mentor yang kemudiannya digabungkan dengan pelajar-pelajar sekolah menengah bagi menghasilkan satu rekaan.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohamad Zabidi bin Zainal, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis di Dewan 2020, Kangar.

